

PAACEIT'22

PAHANG COMMODITIES EXHIBITION OF INNOVATION & TECHNOLOGY 2022

12 & 13 Disember 2022 (Isnin & Selasa)

8.30 Pagi | Dewan & Lobi Yayasan Pahang, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur

PANDUAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Peningkatan produk atau hasil inovasi hendaklah bermakan industri perladangan dan komoditi yang boleh dirangkumkan di bawah sub-bidang seperti:

- i. Agronomi
- ii. Sains tanah/ Pengurusan tanah
- iii. Bioteknologi
- iv. Perlindungan tanaman
- v. Mekanisasi ladang
- vi. Pengurusan ladang
- vii. Pengurusan sisa tanaman
- viii. Lain-lain

2. Pertandingan dilaksanakan secara fizikal menggunakan kaedah pameran produk inovasi serta pembentangan oleh pihak peserta. **Pameran dan peniliran akan diadakan pada bulan 12 Disember 2022 bertempat di Lobi Yayasan Pahang, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan.**

3. Penyertaan dibuka sehingga **5 DISEMBER 2022**.

4. Pertandingan ini terbuka kepada semua Warganegara Malaysia dan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- i. **Kategori Terbuka** (Pihak Industri, ahli akademik dan awam)
- ii. **Kategori Pelajar** (Pelajar IPTA/S dan pelajar sekolah menengah)

**Penyertaan secara individu atau berkumpulan (maksimum bagi setiap kumpulan adalah 3 orang)*

5. Tiada yuran atau bayaran yang dikenakan bagi setiap penyertaan.

6. **Setiap permohonan penyertaan akan melalui proses tapisan panel pertandingan terlebih dahulu sebelum dimaklumkan penerimaan penyertaan.**

Pihak penganjur berhak menerima / menolak mana-mana penyertaan yang tidak memenuhi spesifikasi pertandingan dan keputusan pihak penganjur adalah muktamad.

7. Hasil projek inovasi yang dipertandingkan hendaklah dipersembahkan dalam bentuk:

- i. Produk (Prototip ATAU Model) **DAN/ATAU;**
- ii. Poster – mengandungi maklumat mengenai hasil projek inovasi *Garis panduan poster pada Lampiran 1*

8. Lain-lain dokumen sokongan untuk tujuan pembentangan seperti gambar, risalah, paparan video dan lain-lain adalah digalakkan.
9. Semua kos pembangunan inovasi, urusan persiapan dan kos perjalanan adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta. Pihak sekretariat hanya akan menyediakan *booth*, set kerusi meja dan *plug point* sahaja.
10. Peniliran akan dibuat mengikut kriteria seperti di *Lampiran 2*. Keputusan panel peniliran adalah **MUKTAMAD**. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
11. Hasil inovasi yang telah memenangi mana-mana pertandingan di dalam dan luar negara adalah **TIDAK LAYAK** dipertandingkan.
12. Setiap penyertaan boleh dibuat dengan mengisi borang penyertaan secara dalam talian seperti *QR Code* di bawah:
13. Hadiah bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

ANUGERAH EMAS Pingat + Wang tunai RM 1,500.00 + Sijil Pencapaian

ANUGERAH PERAK Pingat + Wang tunai RM 1,000.00 + Sijil Pencapaian

ANUGERAH GANGSA Pingat + Wang tunai RM 500.00 + Sijil Pencapaian

14. Sebarang maklumat atau penyertaan lanjut boleh menghubungi pihak sekretariat seperti berikut:

Farid +6019 986 2856
Syafina +6017 326 3169
Suhanah +6016 584 3179

ppcfest@ucyp.edu.my

<https://ppcfest.ucyp.edu.my/>

Imbas Kod QR untuk
Borang Penyertaan
<https://forms.gle/XGcv73ZA8Pnax2q8>



GARIS PANDUAN POSTER PEMBENTANGAN HASIL INOVASI

Lampiran 1

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Saiz dan Kriteria Poster	Saiz poster adalah tidak melebihi 594 milimeter lebar x 841 milimeter tinggi (saiz A1) . Poster perlu disediakan dalam format potret. Adalah disyorkan poster disediakan pada satu halaman. Walau bagaimanapun, format persembahan lain boleh diterima selagi poster muat dalam ruang yang diperuntukan semasa pameran berlangsung.
2.	Isi Kandungan Poster	Poster yang dibentangkan haruslah mengandungi ringkasan hasil projek inovasi merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Tajuk / Nama produk inovasi • Pengenalan / Latar belakang • Kaedah melaksanakan kajian/ metodologi • Keputusan: Gambar/ Carta / Graf/ dan lain-lain • Implikasi / kesimpulan
3.	Format tulisan dan warna poster	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gunakan fon besar supaya poster anda mudah dibaca. Saiz fon berikut adalah disyorkan: <ul style="list-style-type: none"> • Bar Title: 42- 48 point bold, tajuk /nama produk adalah dalam huruf besar. • Pengepala: 30-38 point bold (contoh: Pengenalan atau Objektif). • Isi kandungan : sekurang-kurangnya 20 point (haruslah dapat dibaca pada jarak 2 meter) • Teks hitam atau biru gelap pada latar belakang putih akan memudahkan poster untuk dibaca. 2. Visual (gambar, peta, graf. dan lain-lain) boleh dimasukkan untuk membuat poster lebih menarik. 3. Peserta perlu mencetak dan membawa bersama poster yang telah dicetak semasa hari pertandingan.

KRITERIA PENGHASILAN PROJEK INOVASI

Lampiran 2

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Kreatif dan inovatif	<ul style="list-style-type: none"> • Idea baru yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada industri komoditi dan perladangan.
2.	Impak positif yang tinggi dan menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> • Organisasi: meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. • Pelanggan: menepati standard perkhidmatan dan memenuhi harapan pelanggan. • Rakyat: Memastikan keperluan sosial rakyat dipenuhi. • Projek boleh dilaksana dalam tempoh yang singkat.
3.	Pulangan nilai terbaik	<ul style="list-style-type: none"> • Penjimatan kos melalui pengoptimuman penggunaan sumber. • Penjanaaan dan peningkatan pendapatan.
4.	Replikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubah suai mengikut keperluan agensi. • Agenda replikasi perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.
5.	Pengkomersialan	<ul style="list-style-type: none"> • Penciptaan dan pencapaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran. • Projek berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan. • Agenda pengkomersialan perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.